



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KAJIAN TINJAUAN
PERSEPSI GURU TERHADAP PERANAN KENZAZIRAN
JEMAAH NAZIR SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN
MALAYSIA**

NORMAH BINTI HJ.ISMAIL

FPP 1999 53

**KAJIAN TINJAUAN
PERSEPSI GURU TERHADAP PERANAN KENAZIRAN
JEMAAH NAZIR SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**OLEH
NORMAH BINTI HJ. ISMAIL**

Projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat untuk mendapatkan Ijazah Master Sains
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
1999



PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur dan puji saya kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya memberi ketabahan, kekuatan dan keyakinan kepada saya sehingga kajian ini dapat saya sempurnakan.

Dalam usaha untuk menyempurnakan kajian ini, penulis sebenarnya banyak berhutang budi kepada banyak pihak yang terlibat memberikan sumbangan terhadap kajian ini. Oleh itu, penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Mohd Majid Bin Konting selaku penyelia yang tidak jemu-jemu membantu dan membimbing serta memberikan tunjuk ajar sepanjang perjalanan untuk membina dan menyempurnakan kajian ini.

Penulis juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Kamariah Bt Abu Bakar selaku Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan yang sentiasa memberikan semangat, dorongan serta panduan berguna untuk saya meneruskan pengajian ini, juga kepada Prof. Madya Dr. Hj. Azimi Bin Hj. Hamzah selaku Timbalan Dekan Penyelidikan dan Siswazah yang memberikan kerjasama terhadap segala urusan yang berkaitan dengan kajian ini. Penghargaan terima kasih juga saya tujukan kepada pensyarah-pensyarah Pentadbiran Pendidikan, Prof. Madya Dr. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Prof. Madya Dr. Zakaria Bin Kasa, Dr. Foo Say Fooi dan lain-lainnya atas tunjukajar yang diberikan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia di atas anugerah Biasiswa untuk melanjutkan pengajian di bidang pentadbiran ini. Ucapan terima kasih juga kepada Jemaah Nazir Sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor di atas kebenaran dan kerjasama yang diberikan untuk menjalankan kajian ini.

Akhir sekali, segala kerjasama, pertolongan, nasihat, bimbingan serta dorongan semasa penulis menjalankan kajian ini sama ada daripada penyelia kajian ini, pensyarah-pensyarah, rakan-rakan dan guru-guru, penulis sekali lagi mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih yang tidak terhingga.

Istimewa buat

Kejayaan ini tidak dapat disempurnakan tanpa dorongan,

Suamiku,

Kekanda Mohammed Zaki,

Ayahku,

Ayahanda Hj. Ismail,

Ibuku,

Bonda Ramlah,

yang sering sabar, tabah dalam menghadapi penantian dan perjuangan.

Anak-anakku,

Diyanah dan Mohammad Hanif, yang sentiasa memberi nafas baru dan sumber inspirasi untuk mama meneruskan perjuangan ini bagi menyempurnakan pengajian ini.

DAFTAR KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	xi
ABSTRAK BAHASA MELAYU	xii
ABSTRAK BAHASA INGGERIS	xiv
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
Pengenalan	1
Pernyataan Masalah	3
Objektif Kajian	5
Persoalan Kajian	6
Kepentingan Kajian	6
Batasan Kajian	8
Definisi Konseptual dan Operasi	9

II	SOROTAN LITERATUR	
	Pengenalan	17
	Latar Belakang Sejarah Penubuhan JNS	17
	Sistem Pelaksanaan Kenaziran	23
	Sistem di Office For Standards In Education (Ofsted)	23
	Sistem Jemaah Nazir Sekolah (JNS)	24
	Persamaan dan Perbezaan Ofsted dan JNS	27
	Sistem Peranan HMI di Ofsted dan di JNS	28
	Keberkesanan : Satu Kerangka Teoritikal	35
	Keberkesanan HMI di Ofsted	39
	Kajian Keberkesanan Kenaziran JNS di Malaysia	39
III	METODOLOGI KAJIAN	
	Pengenalan	43
	Reka Bentuk Kajian	43
	Populasi dan Persampelan	44
	Pembinaan Instrumen dan Tatacara Operasi	45
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	47
	Proses Pengumpulan Data	50
	Penganalisan Data	51

IV	DAPATAN KAJIAN	
	Pengenalan	53
	Latar Belakang Responden	53
	Pengetahuan Guru Tentang Peranan Kenaziran JNS	59
	Kesimpulan Pengetahuan Guru Tentang Peranan Kenaziran JNS	73
	Persepsi Guru Terhadap Peranan Kenaziran JNS	75
	Kesimpulan Persepsi Guru Terhadap Peranan Kenaziran JNS	89
	Persepsi Guru Terhadap Keberkesanan Nazir	91
	Cadangan Guru Terhadap Peranan Kenaziran	98
V	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
	Pengenalan	102
	Rumusan	102
	Perbincangan	109
	Cadangan	116

BIBLIOGRAFI	120
LAMPIRAN	
A Soal selidik kajian	125
B Modul Konseptual Fungsi dan Peranan Kenaziran	140
C1 Bahagian I - Keperluan Pemeriksaan - Akta Pendidikan 1996	141
C2 Bahagian II - Skop Pemeriksaan dan Pelaporan	143
C3 Bahagian III - Jenis dan Format Laporan	148
C4 Senarai Sampel Sekolah	152
D Carta Organisasi Jemaah Nazir Sekolah	153
E Hasil Kajian Jabatan Pendidikan Perak	155
F Catatan Ucapan Y.B.Menteri Pendidikan (Formula 6:4:3)	156
G Surat Kebenaran Kajian (UPM, KPM, JPN)	157
BIODATA PENULIS	160
PENGAKUAN	162
PENGESAHAN PENYELIA KAJIAN	163

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
A	Indeks gagasan pengetahuan guru tentang peranan kenaziran JNS	48
B	Indeks gagasan persepsi guru terhadap peranan kenaziran JNS	49
1	Frekuensi dan peratus maklumat latar belakang guru	55
2	Frekuensi dan peratus maklumat kekerapan penyeliaan dan mata pelajaran seliaan	57
3	Frekuensi dan peratus pengetahuan guru tentang buku terbitan Jemaah Nazir Sekolah	58
4 (a)	Frekuensi dan peratus pengetahuan guru tentang ciri-ciri sekolah	60
4 (b)	Frekuensi dan peratus pengetahuan guru tentang pencapaian pelajar dan kemajuan pelajar	62
4 (c)	Frekuensi dan peratus pengetahuan guru tentang kualiti pembelajaran	63
4 (d)	Frekuensi dan peratus pengetahuan guru tentang kualiti kurikulum	65
4 (e)	Frekuensi dan peratus pengetahuan guru tentang kualiti kokurikulum	67
4 (f)	Frekuensi dan peratus pengetahuan guru tentang kualiti pengajaran	69
4 (g)	Frekuensi dan peratus pengetahuan guru tentang kualiti sistem penilaian	70
4 (h)	Frekuensi dan peratus pengetahuan guru tentang kualiti perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani pelajar	72
5	Frekuensi dan peratus kesimpulan pengetahuan guru tentang peranan Jemaah Nazir Sekolah	74

6 (a)	Min dan sisihan piawai sikap guru terhadap ciri-ciri sekolah	76
6 (b)	Min dan sisihan piawai sikap guru terhadap pencapaian pelajar dan kemajuan pelajar	78
6 (c)	Min dan sisihan piawai sikap guru terhadap kualiti pembelajaran	79
6 (d)	Min dan sisihan piawai sikap guru terhadap kualiti kurikulum	81
6 (e)	Min dan sisihan piawai sikap guru terhadap kualiti kokurikulum	83
6 (f)	Min dan sisihan piawai sikap guru terhadap kualiti pengajaran	85
6 (g)	Min dan sisihan piawai sikap guru terhadap kualiti sistem penilaian	86
6 (h)	Min dan sisihan piawai sikap guru terhadap kualiti perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani pelajar	88
7	Min dan sisihan piawai kesimpulan persepsi guru terhadap peranan kenaziran JNS	90
8	Min dan sisihan piawai persepsi guru terhadap peranan kenaziran	92
9	Min dan sisihan piawai persepsi guru terhadap pemeriksaan dan penyeliaan nazir	94
10	Min dan sisihan piawai persepsi guru terhadap imej kenaziran	96
11	Frekuensi dan peratus cadangan guru bagi meningkatkan keberkesanan kenaziran	98

SENARAI SINGKATAN

FPN	Falsafah Pendidikan Negara
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
TQM	Total Quality Management
TQE	Total Quality Education
JNS	Jemaah Nazir Sekolah
OFSTED	Office For Standards In Education
HMI	Her Majesty's Inspector
JNSP	Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan
HMCI	Her Majesty's Chief Inspector
KNS	Ketua Nazir Sekolah
KNN	Ketua Nazir Negeri
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPSS	Statistical Package for Social Science

Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**PERSEPSI GURU TERHADAP PERANAN KENAZIRAN
JEMAAH NAZIR SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Oleh

NORMAH BINTI HJ. ISMAIL

Penyelia : DR. MOHD MAJID BIN KONTING

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi guru-guru terhadap peranan kenaziran Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada semua guru iaitu Pengetua/Guru Besar, Guru-guru kanan dan guru-guru mata pelajaran yang telah melalui Pemeriksaan Penuh di Negeri Selangor. Seramai 219 daripada 252 guru yang terlibat sebagai responden kajian ini telah memulangkan soal selidik dengan lengkap. Data telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif peratus min, sisihan piawai, peratusan dan frekuensi.

Dapatan kajian menunjukkan 83.2% daripada 219 responden mengetahui peranan kenaziran Jemaah Nazir Sekolah. Persepsi guru terhadap peranan kenaziran pula menunjukkan tahap setuju dengan nilai min 4.10. Guru juga mempunyai persepsi yang tinggi terhadap keberkesanan peranan kenaziran dengan nilai min melebihi 3.4.

Kajian ini pada keseluruhannya membuat kesimpulan bahawa kebanyakan guru mempunyai pengetahuan yang tinggi, mempunyai sikap setuju dan berpuashati terhadap peranan kenaziran Jemaah Nazir Sekolah. Bagaimanapun terdapat beberapa cadangan guru yang patut diambil kira oleh Jemaah Nazir Sekolah semasa menjalankan pemeriksaan ke sekolah-sekolah. Pendekatan semasa menjalankan tugas pemeriksaan perlu diubah agar dapat menangani cabaran-cabaran terbaru dalam pendidikan.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirement for the degree of Master Science.

**PERCEPTION OF TEACHERS TOWARDS THE ROLE PLAYED BY
INSPECTORS OF SCHOOL, MINISTRY OF EDUCATION, MALAYSIA.**

By

NORMAH BINTI HJ. ISMAIL

Supervisor : DR. MOHD MAJID BIN KONTING

The purpose of this study is to obtain perception of teachers towards the role played by Inspectors of School, Ministry of Education, Malaysia. The population for this study comprised of all kinds of teachers, Principals/Headmasters, Senior teachers and teachers of all subjects in Selangor who underwent the Full Inspection. Two hundred nineteen out of 252 teachers were involved as respondents. Data were analysed by using descriptive statistic, mean percentage, standard deviation, percentage and frequency.



The finding showed that 83.2% out of 219 respondents are knowledgeable about the role played by Inspectors of School. As regards perception of teachers towards the role played by Inspector of Schools it showed that they agreed, exceeding scale 4.10. The teachers also have high perception towards the effectiveness of the role played by Inspectors of School exceeding mean 3.4.

The overall study concluded that most teachers have good knowledge and satisfied towards the roles played by Inspectors of Schools. However, some suggestions by teachers must be taken into consideration by Inspectors of Schools while undergoing the Inspection. Based on the above, it is suggested that Inspectors of School should change their approach while performing their duties thus enabling them to face new challenges in education.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan:

Halatuju dan peranan pendidikan di negara ini dipandu oleh Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Wawasan 2020 (Wan Mohd Zahid, 1995). Halatuju ini memerlukan Malaysia menjadi sebuah negara maju dan sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, tumpuan dan penegasan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah kepada "Total Quality Management" (TQM), "Total Quality Education" (TQE) dan mencapai taraf ISO 9000 (Mohd Najib Razak, 1996). Dalam menghadapi cabaran dan hala tuju ini, tumpuan juga diberi kepada pendidikan dalam dunia cyber, sekolah bestari, sekolah berkesan, pendidikan untuk abad 21 dan pencapaian pendidikan bertaraf dunia.

Berdasarkan FPN dan Wawasan 2020, KPM telah menyediakan objektif-objektif serta strategi-strategi tertentu bagi merealisasikan halatuju sistem pendidikan negara. Jemaah Nazir Sekolah (JNS) yang merupakan antara bahagian penting dalam KPM bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan penilaian dan pemantauan bagi meningkatkan mutu pengurusan serta kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

JNS menyedari akan tanggungjawab yang berat untuk mencapai objektif-objektif, strategi-strategi dan hasrat dasar pendidikan negara. Oleh itu JNS perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan iltizam serta sentiasa bersedia untuk menghadapi perubahan-perubahan semasa yang dibuat oleh KPM bagi memastikan JNS menjalankan tugas dan peranan dengan cekap dan berkesan. Dengan itu JNS akan dapat merealisasikan semua keperluan fungsi dan peranan kenaziran supaya selaras dengan gambaran Model Konseptual Fungsi dan Peranan JNS (Lampiran B) serta menepati sasaran keperluan pemeriksaan JNS (Lampiran C1) (Nik Faizah, 1997).

JNS sebagai sebuah organisasi yang dinamik berusaha mengamalkan konsep kaizen iaitu perubahan dilakukan secara berterusan serta bersedia menghadapi cabaran-cabaran pendidikan abad ke 21. Ini sejajar dengan apa yang telah diperkatakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri di Majlis Anugerah Kendiri Perdana Menteri dan Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik pada 18 Disember 1997 iaitu:

"kecemerlangan yang berterusan hanya wujud kepada organisasi yang sentiasa peka kepada perubahan. Mereka berupaya mengalih haluan dengan cepat dan mengemblengkan usaha secara berterusan serentak dengan arus perubahan tersebut. Tambah beliau, bagi memastikan standard sentiasa berada pada tahap yang terbaik, maka organisasi terpaksa mengkaji semula dan menilai proses-proses berkenaan".

(Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, 1997)

Penambahbaikan seperti yang disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri boleh diasaskan melalui ukurtakat atau *benchmarking*. Malah sesetengahnya pula memerlukan rombakan semula keseluruhan proses (Cassel dan Green, 1991).

1.1 *Pernyataan Masalah:*

Dalam menjalankan tugas untuk mencapai matlamat pendidikan negara, kebekesanan kenaziran adalah sangat penting. Keberkesanan kenaziran terletak kepada kecekapan proses merancang dan melaksanakan tugas yang dilakukan oleh nazir. Sekiranya kenaziran mengalami masalah untuk melaksanakan tugas, berkemungkinan nazir menghadapi kegagalan memainkan peranannya dengan cekap dan berkesan. Selari dengan pendapat Fullan (1991), sesuatu organisasi pendidikan dianggap tidak berkesan sekiranya perancangan dan pelaksanaan program pendidikan mengalami kegagalan.

Oleh kerana peranan kenaziran melibatkan guru, pengetahuan guru terhadap peranan kenaziran JNS dijangka mempengaruhi keberkesanan peranan kenaziran. Mengikut kenaziran oleh *Office For Standards In Education (Ofsted)* di United Kingdom menyatakan bahawa memang ada signifikan bagi guru-guru yang berpengetahuan tentang kenaziran dengan guru-guru yang tidak mempunyai pengetahuan tentang

kenaziran. Guru-guru yang berpengetahuan tentang kenaziran dapat menjalankan tugas mereka dengan cekap dan berkesan. Oleh itu di Ofsted, kriteria atau item pemeriksaan yang akan dijalankan oleh kenaziran di hantar terlebih dahulu ke sekolah-sekolah yang akan diperiksa (Report by HMI Welsh Office, 1997).

Berbanding di Malaysia, kriteria atau item pemeriksaan JNS tidak dihantar terlebih dahulu ke sekolah-sekolah. Namun guru-guru boleh mendapatkan pengetahuan dengan membaca buku-buku terbitan JNS kerana kesemua kriteria dan item pemeriksaan terkandung di dalamnya. JNS telah mengedarkan Buku Panduan Pengurusan Profesional dan Buku Panduan Mata Pelajaran bagi setiap panitia ke sekolah rendah dan menengah di seluruh negara melalui surat pekeliling JNSP. 500/26 Pt. 1/(98) bertarikh 4 Disember 1992. Bagaimanapun, sekiranya guru tidak pernah membaca dan tiada berpengetahuan tentang kriteria dan item pemeriksaan oleh JNS, adalah sukar bagi nazir untuk melaksanakan peranan kenaziran dengan berkesan (Abdul Rahim, 1995 ; M. Zin, 1995).

Di samping itu, peranan nazir juga boleh mempengaruhi sikap guru terhadap kenaziran. Sikap guru terhadap peranan kenaziran sangat penting bagi membolehkan nazir merancang program-program untuk meningkatkan mutu profesional kenaziran. Pandangan guru sebagai

pelanggan kenaziran juga perlu diambil kira dalam meningkatkan mutu kenaziran.

Bagaimanapun, sehingga kini belum ada kajian khusus tentang tahap pengetahuan guru terhadap kriteria dan item pemeriksaan JNS dan sikap guru terhadap peranan kenaziran. Kajian perlu dibuat untuk mengenal pasti apakah tahap pengetahuan guru dan sikap guru terhadap peranan kenaziran. Di samping itu, kajian perlu dilakukan untuk mengenal pasti apakah tahap keberkesanan kenaziran nazir dan meninjau cadangan guru bagi meningkatkan mutu kenaziran. Memandangkan peranan kenaziran sangat hampir di sekolah, maka hasil dapatan kajian boleh membantu memperbaiki peranan kenaziran bagi memenuhi matlamat pendidikan negara.

1.2 *Objektif Kajian:*

Matlamat kajian ini ialah untuk meninjau persepsi guru terhadap keberkesanan peranan kenaziran JNS. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.2.1 Mengetahui tahap pengetahuan guru tentang peranan kenaziran JNS.
- 1.2.2 Mengetahui sikap guru terhadap peranan kenaziran JNS.

1.2.3 Mengenal pasti persepsi guru mengenai tahap keberkesanan kenaziran nazir JNS.

1.2.4 Meninjau cadangan guru bagi meningkatkan keberkesanan kenaziran.

1.3 *Persoalan Kajian:*

1.3.1 Apakah tahap pengetahuan guru tentang peranan kenaziran JNS.

1.3.2 Apakah sikap guru terhadap peranan kenaziran JNS.

1.3.3 Apakah persepsi guru mengenai keberkesanan kenaziran nazir JNS.

1.3.4 Apakah cadangan guru bagi meningkatkan keberkesanan kenaziran.

1.4 *Kepentingan Kajian:*

Kajian untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap peranan kenaziran JNS perlu dijalankan pada masa kini ekoran perubahan pesat dalam sistem pendidikan negara. Bagi menjalankan peranan kenaziran JNS secara berkesan, JNS memerlukan nazir yang berkaliber. Memandangkan tanggungjawab JNS untuk memastikan bahawa tahap

pengajaran dan pembelajaran yang memuaskan diwujudkan dan dikekalkan di sekolah, JNS sebagai *guardian of standard* atau *custodian of quality (avant-garde)* seharusnya cekap, berkesan dan bersedia mengubah pendekatan dalam menjalankan tugas bilamana perlu.

Oleh kerana tugas kenaziran melibatkan guru, maka adalah penting untuk mengetahui sejauh manakah tahap pengetahuan guru dan sikap mereka terhadap peranan kenaziran JNS. Adakah tahap pengetahuan guru terhadap kenaziran tinggi atau rendah. Adakah guru berpuashati terhadap peranan kenaziran nazir JNS. Secara khusus kajian persepsi guru terhadap peranan kenaziran JNS amat penting bagi membantu meningkatkan keberkesanan organisasi JNS iaitu:

- 1.4.1 Merancang program-program meningkatkan pengetahuan guru, sekiranya tahap pengetahuan guru terhadap kenaziran masih rendah. Bagaimanapun, sekiranya tahap pengetahuan guru tinggi, maka tumpuan program dihalakan pada aspek-aspek lain, seperti program-program untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.
- 1.4.2 Jika sikap guru terhadap peranan kenaziran memuaskan, maka JNS perlu juga mempertingkatkan lagi mutu kenaziran. Sekiranya sikap guru masih rendah, usaha-usaha perlu dibuat untuk memperbaiki peranan kenaziran.

- 1.4.3 Sekiranya persepsi guru terhadap keberkesanan peranan kenaziran masih rendah, maka JNS perlu mengenalpasti aspek-aspek kelemahan dan memikirkan strategi bagi meningkatkan imej kenaziran.
- 1.4.4 Cadangan guru bagi meningkatkan lagi keberkesanan kenaziran perlu diambilkira oleh JNS dalam merancang program-programnya atau dalam memperbaiki organisasi JNS itu sendiri.

1.5 Batasan Kajian:

Fungsi dan peranan kenaziran mengikut Kerangka Pemeriksaan JNS adalah sangat luas. Kerangka Pemeriksaan JNS menentukan skop tugas kenaziran terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

- 1.5.1 Bahagian 1 : Keperluan Pemeriksaan (Lampiran C1).
- 1.5.2 Bahagian 11 : Skop Pemeriksaan dan Pelaporan (Lampiran C2).
- 1.5.3 Bahagian 111: Jenis dan Format Laporan (Lampiran C3).

Memandangkan peranan kenaziran JNS yang luas, tumpuan kajian hanya kepada pengetahuan dan persepsi guru terhadap skop pemeriksaan dan pelaporan dalam Bahagian 11 (Lampiran C2). Batasan ini adalah kerana guru lebih terdedah kepada dimensi skop pemeriksaan dan

pelaporan berbanding dengan keperluan pemeriksaan (Bahagian 1) serta jenis dan format laporan (Bahagian 111). Kajian ini tidak mengkaji tahap pengetahuan guru, sikap guru dan sejauh mana persepsi guru terhadap keberkesanan nazir dari aspek keperluan pemeriksaan (Bahagian 1) serta jenis dan format laporan (Bahagian 111).

1.6 Definisi Konseptual dan Operasi:

1.6.1 Persepsi:

Persepsi ialah merangkumi pendapat, kepercayaan dan sikap melalui proses pancaindera yang merangkumi penglihatan, pendengaran dan sentuhan serta memberi makna kepada seseorang. Menurut Cassell dan Green (1991), persepsi adalah satu proses mengumpul maklumat melalui semua deria dan kemudia memproses maklumat tersebut agar menjadi makna yang sesuai.

Persepsi juga adalah cara seseorang itu melihat dan ia berkait rapat dengan faktor pembelajaran, pengalaman trait, "*attributes environment*", dan sebagainya yang telah mempengaruhi kehidupan seseorang individu. Kerana faktor seseorang individu dengan individu lain adalah berbeza, maka sudah tentu cara mereka menganggap sesuatu objek itu juga berbeza (Ahmad Atory Hussain, 1996).